

CNS1449

R GB 20-10 00221 BA783

aab

DEMOKRASI DALAM KOMANWEL DI BAWAH PENGAWASAN RAPI

CHOGM - Isu

Daripada Kuah Guan Oo

I

HARARE, 20 Okt (Bernama) -- Persoalan mengenai demokrasi, kerajaan yang baik, hak asasi kemanusiaan dan akauntabiliti bukan hanya dibincangkan di Sidang Kemuncak Komanwel di sini tetapi juga pada tahun-tahun akan datang.

Ini ialah kerana isu-isu tersebut akan dikaitkan dengan persoalan mengenai bantuan dan perdagangan oleh negara-negara maju seperti Britain dan Kanada, yang telah menyatakan pendirian mereka secara terang sejak bermulanya Sidang Kemuncak Harare.

Pendirian mengenai kaitan-kaitan itu telah disuarakan sebelum bermulanya sidang kemuncak itu apabila negara-negara maju utama -- Amerika Syarikat, Jepun, dan Kesatuan Eropah (EC) -- memberitahu negara-negara membangun supaya bijak bertindak atau terpaksa menghadapi penarikan balik bantuan dan perdagangan.

Ini menyebabkan kemarahan di kalangan pemimpin Dunia Ketiga yang melihat ancaman itu sebagai keterlaluan dan sebagai langkah untuk mengenakan cara hidup ke atas mereka tanpa menghiraukan masalah unik yang wujud. Tetapi usaha negara-negara maju itu bukan di luar jangkaan.

Dengan tamatnya Perang Dingin dan pengunduran komunisme di Soviet Union dan Eropah Timur, +dunia uni-polar+ yang disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah muncul. Di sini timbulnya bahaya kuasa yang tidak dicabar bagi kuasa besar yang mungkin mengenakan sistemnya terhadap mana-mana negara kecil atau yang membangun. -- Lagi

♥20/10/18-02MST

CNS1475

R GB 20-10 00201 BA792

aab

CHOGM - Isu 2 Harare

Walhal sebelum Perang Dingin, negara-negara kecil akan berpaling kepada Soviet Union jika mereka tidak dipedulikan oleh negara-negara pemberi tetapi sekarang mereka tidak ada tempat untuk mengadu.

Di kalangan 50 negara anggota Komanwel yang terdiri daripada Britain dan negara-negara bekas jajahannya, konsep seperti demokrasi, kerajaan yang baik, hak asasi kemanusiaan dan akauntabiliti merupakan bahagian penting bagi kerajaan mereka walaupun lebih 80 peratus anggotanya masih dilanda masalah ekonomi, ketidakstabilan politik serta taraf kehidupan dan kedudukan yang minimum.

Perdana Menteri India Narasimha Rao berkata India, pengamal demokrasi terbesar di dunia, akan gagal jika rakyatnya terus hidup dalam keadaan kemiskinan dan tidak mempunyai sandaran ekonomi.

Beliau memberitahu negara-negara maju dalam Komanwel bahawa adalah wajar bagi sesetengah daripada mereka untuk membincangkan mengenai demokrasi dan hak asasi kemanusiaan sedangkan banyak lagi negara Komanwel lain yang berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat mereka.

Sambil mendakwa bahawa +demokrasi+ sudah berjalan di kebanyakan negara Komanwel, beliau berkata mereka tidak seharusnya mengambil terlalu banyak masa untuk cuba mendefiniskan apa itu demokrasi.

Sebaliknya, Komanwel seharusnya berikrar untuk membantu masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun yang terdapat banyak +kekurangan+ dalam struktur mereka. -- Lagi

♥20/10/18-31MST

CNS1489

R GB 20-10 00170 BA794

aab

CHOGM - Isu 3 Harare

+Ke mana negara-negara membangun akan pergi jika demokrasi gagal. Negara-negara membangun terpaksa mempunyai falsafah kemajuan mereka sendiri,+ katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Kanada Brian Mulroney secara tegas menggariskan pendirian negara-negara maju atau pemberi: Kanada tidak boleh membantu penindasan dan tekanan demokrasi di negara-negara Dunia Ketiga.

Beliau berkata, kerajaan yang baik tidak bermakna cara yang asing tetapi prinsip-prinsip asas pluralisme dan demokrasi ialah sejagat, bukan Barat, dan perlu dihormati. Pandangan itu dipersetujui oleh Perdana Menteri Britain, John Major.

Sambil menegaskan bahawa Komanwel telah menghabiskan masa selama 33 tahun untuk memerangi apartheid di Afrika Selatan, beliau berkata 50 negara anggota itu kini perlu menyalurkan sumber-sumber mereka untuk memperbaiki kehidupan rakyat mereka dan memperjuangkan hak asasi kemanusiaan serta demokrasi negara-negara anggota.

Tetapi Dr Mahathir, seperti Presiden Robert Mugabe, menegaskan bahawa terdapat interpretasi yang berlainan mengenai apa yang dimaksudkan dengan demokrasi. Britain sejak 50 atau 100 tahun lepas tidak mungkin layak menurut definisi hari ini. -- Lagi

♥20/10/18-50MST

CNS1496

R GB 20-10 00196 BA796

aab

CHOGM - Isu 4 (Akhir) Harare

Secara ringkas, negara-negara Dunia Ketiga perlu berubah dan memperkembangkan demokrasi mereka.

Seperti Mugabe, beliau berkata sebarang usaha yang cepat untuk mempelopori model demokrasi Amerika, Britain dan dunia barat yang lain boleh menjejaskan pencapaian dan kemajuan ekonomi negara membangun.

Perdana Menteri Malaysia juga melahirkan kebimbangan, seperti yang disuarakan oleh kebanyakan negara membangun mengenai bahaya sekatan pelbagai hala mengenai konsep demokrasi barat yang sedia ada dan sebagainya.

Beliau berpendapat bahawa seharusnya terdapat sebuah agensi, seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), untuk menentukan negara mana yang tidak mengamalkan nilai-nilai tersebut sebelum negara-negara maju memberhentikan bantuan dan perdagangan.

Secara keseluruhan pada Sidang Kemuncak itu, apa yang jelas ialah Komanwel boleh berikrar apa yang dikehendaki mengenai kaitan atau tiada kaitan terhadap nilai-nilai demokratik dengan bantuan dan perdagangan.

Pada akhir persidangan itu, persoalan mengenai bantuan, perdagangan dan nilai-nilai demokratik adalah perlu antara si penerima dengan si pemberi, kata Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku.

Ini bermakna kebanyakan negara Komanwel akan menghadapi banyak masalah dengan isu-isu tersebut, terutama apabila ekonomi mereka yang tidak menentu terikat kepada negara yang pernah menjajah mereka. -- Bernama

♥20/10/19-09MST